

14 JUL 1997

MSC-cadangan

CADANGAN KONSEP UNTUK APLIKASI MSC AKAN DIKELUARKAN SECARA BERPAKEJ

KUALA LUMPUR, 14 Julai (Bernama) -- Beberapa Permohonan untuk Cadangan Konsep (CRFP) akan dikeluarkan bagi empat aplikasi utama Koridor Raya Multimedia (MSC) yang akan dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad 26 Julai ini.

Pengerusi eksekutif Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC), Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah ketika memberi taklimat kepada media hari ini berkata lima CRFP dikeluarkan untuk Kerajaan elektronik, empat untuk Teleperubatan dan satu untuk Kad Pintar.

CRFP ialah pendekatan untuk Permohonan untuk Cadangan yang biasanya dikeluarkan oleh syarikat-syarikat atau institusi awam untuk melaksanakan projek baru.

Ia memberi penekanan kepada mengenal pasti objektif projek dan faedah yang disasarkan dan bukan memperincikan keperluan teknikal.

Dr Othman berkata bagi Kerajaan Elektronik, CRFP ialah untuk Perlesenan dan Pembayaran Penggunaan dan Perkhidmatan Kenderaan Berkaitan, Persekitaran Khusus untuk Pejabat Perdana Menteri, Perolehan Elektronik, Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia dan Sistem Kawalan Projek.

Bagi Sekolah Bistari, CRFP akan merangkumi bahan-bahan mengajar-belajar pintar, Sistem penilaian, Sistem Pengurusan, Prasarana teknologi dan Sistem Persepaduan.

CRFP untuk Teleperubatan pula meliputi Maklumat dan Pendidikan Kesihatan Umum yang khusus dan disesuaikan, Kesinambungan Pendidikan Perubatan, telerundingan dan Perancangan Kesihatan Seumur Hidup.

"Sejurus selepas pelancaran (26 Julai) syarikat-syarikat yang berminat boleh mendapatkan salinan asal dokumen CRFP daripada agensi-agensi berkenaan," katanya.

Keterangan ringkas mengenai CRFP itu boleh juga diakses melalui tapak web MSC -- <http://www.mdc.com.my>.

Dr Othman juga menasihati syarikat-syarikat membuat permohonan itu secara konsortium.

MSC ialah kawasan aktiviti teknologi berukuran 15-by-50 Km di selatan pusat bandaraya Kuala Lumpur yang dikhaskan untuk syarikat-syarikat yang mahu mencipta, mengedar dan menggunakan produk dan perkhidmatan multimedia.

Tiga lagi aplikasi utama MSC ialah Pembangunan dan Penyelidikan, Pusat Pemasaran Tanpa Sempadan dan Jaringan Pengeluaran Seluruh Dunia.

Dr Othman juga mengumumkan setakat ini, 19 syarikat telah diberi taraf <SC dan MDC sedang memproses 71 permohonan lagi. -- BERNAMA

HJ WAT